

**SATU KAJIAN ANALISIS  
MENGENAI KESAN ANIMASI USOP SONTORIAN  
TERHADAP KANAK-KANAK**

HARTATI BT JUMIRAN

96460584

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi keperluan Ijazah Seni Lukis dan Seni Reka.

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

## SINOPSIS

Malaysia kini semakin maju dalam pelbagai teknologi terkini. Pencapaian agak memberangsangkan termasuklah kejayaannya di dalam dunia hiburan kanak-kanak. Kelahiran kartun animasi versi Malaysia dan Melayu adalah satu petanda yang sihat dalam pembangunan profileman tanahair khususnya dalam pembangunan teknologi terkini.

Antara penghasilan kartun animasi buatan Malaysia hasil karya dan ketekunan anak muda tempatan yang telah berjaya ialah siri animasi Usop Sontorian. Siri animasi ini diiktiraf sebagai kartun animasi versi Melayu pertama diterbitkan di Malaysia iaitu pada tahun 1996.

Pembabitan dan minat anak tempatan melahirkan siri ini telah menarik minat penulis untuk mengetahui sejarah dan perkembangan serta latar belakang penerbitan siri tersebut. Penulis juga akan mengupas persoalan lain antaranya kesan animasi ini kepada kanak-kanak, pengaruh dan kepentingannya dan bagaimana ia mempengaruhi proses pendidikan dan kemasyarakatan.

Ibarat kata Rejabhad, seorang penulis dan pengarya kartun Malim Meman terbita majalah humor GILA-GILA, “*kalau kita mencari perubahan, kita akan dapat kerana sesuatu yang baharu itu berubah-ubah. Kalau kita mencari kepuasaan, kita tak akan jumpa sama perbuatannya dengan orang yang mencari kaki langit*”. Begitulah juga sebagai penulis. Tidak cukup dengan hanya melihat siri animasi tempatan ini berkembang maju dengan pelbagai perubahan teknik dan jalan cerita tanpa perlu mengetahui cerita di belakang tabirnya yang meliputi persoalan kepentingan, permintaan, suasana, gaya hidup, iktibar dan tauladan serta keberkesanannya melalui komentar masyarakat dan kanak-kanak untuk dijadikan rumusan bagi mencetuskan idea dan cadangan dalam usaha penulis membangkitkan semangat anak tempatan yang lain juga para pengusaha produksi animasi agar menjadikan kajian ini sebagai salah satu bahan untuk dijadikan panduan dan iktibar dalam usaha meningkatkan mutu dan taraf animasi versi Melayu kelahiran anak-anak tempatan. Selainnya semoga kajian ini dapat menjadi bahan bantuan sampingan kepada penulis-penulis lain yang berminat mengetahui cerita di sebalik tabir penerbitan animasi tempatan.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Kandungan	iii
Jadual Pengurusan Masa	iii
<b>BAB 1</b>	1
1.1    Pengenalan	1
1.2    Matlamat Kajian	4
1.3    Objektif Kajian	
1.4    Metodologi	4
1.4.1    Lawatan	5
1.4.2    Pencarian maklumat	6
1.4.3    Temubual	6
1.4.4    Kualiti dan Kuantitif Maklumat	7
1.4.5    Pelan Alternatif	7
1.5    Hipotesis	8
<b>BAB 2 DEFINISI</b>	9
2.1    Sejarah Animasi Tempatan	10
2.2    Sejarah dan Latar Belakang Siri Animasi Usop Sontorian	17
<b>BAB 3</b>	23
3.1    Kartun Animasi Sebagai Satu Tuntutan	24
3.2    Kesan Kartun Animasi Secara Amnya	27
3.3    Kesan Siri Animasi Usop Sontorian Terhadap Kanak-Kanak	33
3.3.1    Kesan dari sudut pendidikan	34
3.3.2    Kesan dari sudut tingkah laku dan perbuatan	38
3.3.3    Kesan dari sudut emosi	39
3.3.4    Kesan dari sudut kekeluargaan	40
3.3.5    Kesan dari sudut kemasyarakatan	41
<b>BAB 4</b>	45
4.1    Kepentingan Kartun Animasi Kepada Kanak-Kanak	
4.2    Faktor Yang Mempengaruhi Kemunculan Siri Animasi Usop Sontorian	48
4.2.1    Permintaan daripada stesen televisyen	48
4.2.2    Permintaan orang ramai	49
4.2.3    Keperluan kanak-kanak	51
4.2.4    Pembentangan	52
4.2.5    Pembayaran	53
4.3    Kerjasama Pihak Kerajaan	55

<b>BAB 5 KEBERKESANAN SIRI ANIMASI USOP SONTORIAN</b>	
<b>TERHADAP KANAK-KANAK</b>	<b>57</b>
5.1 Keberkesanan Dari Sudut Pendidikan	57
5.2 Keberkesanan Dari Sudut Tingkahlaku dan Perbuatan	58
5.3 Keberkesanan Dari Sudut emosi	59
5.4 Keberkesanan Dari Sudut Kekeluargaan	59
5.5 Keberkesanan Dari Sudut Kemasyarakatan	59
<b>BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>61</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>68</b>
<b>RESPONDEN</b>	
<b>LAMPIRAN A</b>	
<b>LAMPIRAN B</b>	

## **JADUAL PENGURUSAN MASA**

### **FASA PERTAMA**

(1 Ogos hingga 31 Ogos 1999)

- Cadangan tajuk kajian tesis iaitu **SATU KAJIAN ANALISIS MENGENAI KESAN ANIMASI USOP SONTORIAN TERHADAP KANAK-KANAK.**
- Tajuk kajian tesis diluluskan oleh koordinator tesis Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik), Universiti Teknologi MARA kampus Melaka iaitu Encik Ahmad Rashidi Bin Hassan.
- Perbincangan tajuk tesis bersama koordinator untuk pengembangan idea dan kupasan kajian.
- Perbincangan mengenai format dan prosidur penulisan bersama koordinator tesis.

### **FASA KEDUA**

(1 September hingga 30 September)

- Mendengar pembentangan tesis oleh pelajar semester 08.
- Taklimat kajian tesis daripada semua pensyarah.
- Mendapat penasihat iaitu Encik Wan Muhammad Zulkifli Bin Wan Ahmad, salah seorang pensyarah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM kampus Melaka.
- Perjumpaan dengan penasihat berkaitan penerangan mengenai proses penyediaan kajian tesis.
- Menyiapkan metodologi mengikut format yang diberikan oleh penasihat.
- Merangka perancangan masa untuk pentadbiran kerja yang lebih efisyen, sempurna dan selesa.

### **FASA KETIGA**

(1 Oktober hingga 31 Oktober 1999)

- Proses merangka dan menaip Bab 1.
- Bab 1 siap.
- Penyerahan Bab 1 untuk semakan pertama oleh penasihat.
- Pembetulan semakan pertama.
- Proses pengumpulan maklumat melalui bahan bacaan dan media cetak.
- Temubual dengan
  - i) Pengarah Urusan Kharisma Publications yang kini dikenali sebagai MOY Publications iaitu Encik Mohd. Othman Bin Yusof yang beralamat di:-  
No.22, Jalan USJ 9/5P,  
Subang Business Center,  
47650 Selangor.
  - ii) Unit Siaran dan Hiburan RTM di Angkasapuri, Kuala Lumpur.